

# Penglibatan Mahasiswa Secara Aktif dalam Bidang Sukan di Peringkat Universiti dan Kesannya Terhadap Pencapaian Akademik

Mohd Samri bin Mohd Noor  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 Skudai, Johor

Dr. Mohad Anizu bin Haji Mohd Nor  
Pengetua Kolej 14 & 15,  
Universiti Teknologi Malaysia  
81310 Skudai, Johor  
Anizu5313@yahoo.com

**Abstrak:** Penglibatan mahasiswa dalam bidang sukan di universiti sering dikaitkan dengan pencapaian akademik mereka dalam setiap peperiksaan yang dijalankan. Bagi mahasiswa yang aktif bersukan dengan mewakili universiti ke kejohanan sukan seperti Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dikatakan punca mereka mendapat keputusan yang tidak begitu memberangsangkan. Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif yang bertujuan untuk meninjau sejauhmana penglibatan pelajar dalam bidang sukan akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Objektif utama kajian ini adalah untuk membuat perbandingan pencapaian akademik di kalangan mahasiswa atlit dengan mahasiswa bukan atlit. Objektif kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi akademik mahasiswa atlit di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor. Responden seramai 52 orang dipilih dikalangan mahasiswa UTM iaitu 26 orang merupakan atlit dan 26 orang lagi bukan atlit. Data kajian ini diperolehi melalui soalselidik yang diedarkan kepada semua responden. Item-item dalam soalselidik ini diproses menggunakan kaedah peratusan, melainkan item yang berkaitan dengan keputusan peperiksaan Semester I Sesi 1998/1999. Data dianalisis pada aras signifikan  $p < 0.05$  dengan menggunakan analisis ujian-t. Keputusan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian akademik di antara mahasiswa atlit dan bukan atlit. Daripada hasil kajian ini, mahasiswa seharusnya digalakkan untuk bergiat aktif dalam aktiviti sukan dan rekreasi semasa di universiti kerana ia akan memberi kebaikan kepada kesihatan dan pada yang sama ia tidak menjejaskan prestasi pelajaran. Kajian ini mendapati faktor bersukan bukanlah penyebab kepada kemerosotan pencapaian akademik tetapi terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi prestasi akademik seperti tidak dapat mengikuti pelajaran yang berkesan, tiada kumpulan belajar, malu bertanya kepada pensyarah dan kawan dan lain-lain lagi.

**Katakunci:** Sukan, atlit, mahasiswa, pencapaian akademik, prestasi pelajaran.

## Pengenalan

Kecemerlangan akademik di Malaysia menjadi asas kepada pengukuran kejayaan seseorang individu. Sebahagian besar masyarakat Malaysia lebih mementingkan prestasi akademik yang cemerlang agar memperoleh status yang lebih berprestij. Pendidikan dari segi falsafahnya bertujuan untuk memperkembangkan potensi individu yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI). Walaupun terbukti nilai-nilai positif dalam kegiatan sukan dan rekreasi, kebimbangan terhadap gangguan prestasi akademik masih tetap wujud (Kantha Kumar, 1985). Masyarakat berpendapat penglibatan secara aktif dalam bidang sukan memberi kesan yang negative ke atas prestasi akademik mereka. Ada yang merumuskan pelajar yang aktif bersukan tidak mempunyai masa yang cukup untuk mengulangkaji pelajaran.

Prestasi akademik pelajar sering dikaitkan dengan kegiatan sukan yang dibeberikannya. Kegagalan dalam pelajaran selalunya dirujuk kepada masa yang banyak dihabiskan untuk bersukan dan melakukan kegiatan riadah seperti aktiviti rekreasi. Pandangan sebegini seringkali kedengaran walaupun telah banyak kajian yang dibuat menyangkal kenyataan ini (Webb, 1969; Mohd Yusoff, 1983; Mohd Razali, 1983; Eleanor, 1984). Kajian Mohd Yusoff (1983) misalnya, mendapati bahawa penglibatan dalam sukan dan aktiviti gerak kerja ko-kurikulum yang lain tidak menjejaskan prestasi akademik asalkan mereka tahu mengagihkan masa untuk bersukan dan untuk akademik.

Manakala beberapa kajian lain pula (Beau, 1982; Coleman, 1983) mendapati pencapaian akademik pelajar yang aktif bersukan adalah lebih rendah berbanding dengan mereka yang tidak aktif walaupun tahap kecerdasan adalah sama. Coleman (1983) dalam kajiannya mendapati bahawa pelajar-pelajar sekolah tinggi

menghargai aktiviti ko-kurikulum lebih dari kerja akademik mereka. Beliau berkata fenomena ini boleh membawa hasil negative kepada pencapaian akademik.

Justeru itu, kajian ini cuba menjawab persoalan samada penglibatan dalam bidang sukan di universiti akan menjejaskan prestasi akademik atau tidak. Berdasarkan kajian-kajian sebelum ini, dapat kita simpulkan bahawa terdapat kesan positif dan juga negatif penglibatan pelajar dalam bidang sukan. Kajian ini diharapkan akan dapat memberi gambaran awal tentang kesan penglibatan dalam bidang sukan semasa menuntut di universiti di Malaysia.

## **1.1 Pernyataan Masalah**

Sebahagian ibubapa, terutamanya masyarakat luar bandar masih percaya bahawa penglibatan dalam bidang sukan akan menjejaskan prestasi pelajaran anak-anak mereka. Ini disebabkan masyarakat di Malaysia masih belum boleh menerima kenyataan bahawa penglibatan dalam sukan bukan sahaja memberi kebaikan kepada anak-anak mereka dari segi kesihatan, tetapi juga boleh menjamin masa depan kerjaya anak-anak. Sehubungan dengan itu, pernyataan masalah kajian ini adalah membandingkan pencapaian akademik mahasiswa atlit dan bukan atlit di UTM Skudai.

## **1.2 Objektif Kajian**

Berdasarkan persoalan yang sering ditimbulkan masyarakat ke atas penyertaan mahasiswa dalam bidang sukan terhadap pencapaian akademik, maka objektif kajian ini ialah:

- 1.2.1 Untuk membandingkan pencapaian akademik mahasiswa atlit dan bukan atlit dari segi pencapaian akademik.
- 1.2.2 Untuk mengetahui samada penglibatan dalam sukan bidang mempengaruhi pencapaian akademik.
- 1.2.3 Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik mahasiswa atlit.

## **1.3 Hipotesis Kajian**

Dengan batasan-batasan yang wujud, dihipotesiskan bahawa:

- Ha = Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian akademik antara mahasiswa atlit dan bukan atlit.
- Hnol = Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pencapaian akademik antara mahasiswa atlit dan bukan atlit.

## **1.4 Kepentingan Kajian**

Terdapat beberapa kepentingan yang boleh diperolehi hasil daripada kajian yang dijalankan ini kepada banyak pihak terutama ibubapa, pelajar dan seterusnya masyarakat umum. Di antara kepentingan kajian ini ialah:

1.4.1 Kajian ini dapat memberi gambaran sebenar kepada ibubapa bahawa penglibatan anak-anak mereka dalam bidang sukan semasa sedang belajar samada di universiti mahupun di peringkat sekolah akan menjejaskan pelajaran ataupun tidak. Sekiranya ia tidak menjejaskan prestasi akademik, mereka seharusnya lebih menggalakkan anak-anak untuk terus bergiat aktif dalam sukan dan aktiviti rekreasi dan begitulah jika kajian ini menunjukkan keputusan yang sebaliknya.

1.4.2 Kajian ini juga menjadi satu panduan kepada pelajar-pelajar samada akan terus bergiat aktif dalam aktiviti sukan atau tidak bila berada di menara gading. Sekiranya ia tidak menjejaskan prestasi akademik, mereka seharusnya akan membahagikan masa dengan baik untuk terus bergiat aktif dalam sukan dan kegiatan ko-kurikulum yang lain walaupun semasa belajar di universiti. Begitulah juga jika kajian ini menunjukkan keputusan yang sebaliknya.

1.4.3 Kajian ini akan dapat membandingkan pencapaian akademik mahasiswa atlit dan bukan atlit dari segi pencapaian akademik. Keputusan kajian ini akan menunjukkan status pencapaian akademik mahasiswa atlit dan bukan atlit. Ia akan memberi gambaran sebenar kepada pelajar yang ingin aktif bersukan semasa di universiti.

1.4.4 Kajian ini dapat mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik mahasiswa atlit. Sekiranya bersukan tidak menjejaskan prestasi akademik, adakah faktor-faktor lain juga membantu mahasiswa atlit untuk cemerlang dalam akademik mahupun sebaliknya.

## **1.5 Skop Kajian**

Kajian dilakukan ke atas 52 mahasiswa UTM iaitu 26 orang atlit dan 26 orang lagi bukan atlit. Responden terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan dari lima buah fakulti yang dipilih secara rambang mudah dari sepuluh buah fakulti di UTM Skudai. Responden terdiri daripada 22 orang pelajar Melayu, 20 orang pelajar Cina, 8 orang pelajar India dan 2 orang lain-lain bangsa. Semua data berpandukan boring soalselidik bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

## **1.6 Limitasi Kajian**

- 1.6.1 Kajian ini dibataskan kepada pelajar-pelajar yang terlibat sebagai atlit dan juga bukan atlit UTM. Oleh itu, segala penganalisan data dan perbincangan adalah berdasarkan kepada dapatan kajian yang dibuat di UTM Skudai sahaja. Di antara limitasi kajian ini adalah:
- 1.6.2 Semasa membandingkan pencapaian akademik antara atlit dan bukan atlit, hanya keputusan peperiksaan Semester I Sesi 1998/1999 digunakan.
- 1.6.3 Kajian ini merupakan tinjauan satu kali sahaja di mana instrument yang digunakan ialah soalselidik.

## **1.7 Definisi Operasional**

- 1.7.1 Pencapaian akademik – keputusan peperiksaan mengikut Gred Purata Mata Nilai (GPA).
- 1.7.2 Pelajar – mahasiswa lelaki dan perempuan di UTM Skudai, Johor.
- 1.7.3 Mahasiswa atlit – mewakili UTM ke Kejohanan Sukan Majlis Universiti Malaysia (MASUM).
- 1.7.4 Bukan atlit – pelajar yang terlibat secara serius dalam sukan dan permainan dan tidak mewakili universiti dalam apa jua kejohanan.

## **1.8 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dan berdasarkan soalan-soalan dari soalselidik dan inferential yang membincangkan mengenai ujian-t. Borang soalselidik disesuaikan dan disusun supaya mudah difahami bagi mencapai objektif kajian.

## **1.9 Pemilihan Sampel**

Sampel kajian ini terdiri daripada 52 orang pelajar UTM Skudai iaitu 26 orang pelajar lelaki dan 26 orang pelajar perempuan yang merangkumi tiga bangsa utama di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Semua responden adalah pelajar tahun dua dan ke atas. Pemilihan sampel dibuat secara rawak mudah di mana nama diperolehi daripada lima fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Fakulti Pendidikan dan Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi.

## **1.10 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian terdiri daripada satu set soalselidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A mengumpul maklumat mengenai latar belakang responden dan Bahagian B mengandungi soalan-soalan mengenai penglibatan responden dalam bidang sukan dan pencapaian akademik.

## **1.11 Penganalisan Data**

Untuk mengukur sejauhmana perbezaan pencapaian akademik antara atlit dan bukan atlit, kaedah analisis Independent t-test digunakan. Data yang diperolehi dikumpul dan dianalisis dengan bantaun Statistical

Package for Social Science (SPSS). Program ini dipilih kerana ia dapat memudahkan penganalisaan data, mampu memanipulasikan data bagi bilangan responden yang banyak dan data yang dianalisis adalah lebih tepat. Manakala kaedah peratusan digunapakai untuk mengukur setiap item soalan. Keputusan dan dapatan kajian dilakukan melalui analisis statistic dalam bentuk inferensi.

### 1.12 Dapatan Kajian

Jadual 1: Analisis Perbezaan Tahap Pencapaian Akademik Responden Atlit dan Bukan Atlit

Tahap Pencapaian	Atlit		Bukan Atlit		Jumlah	
	Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
Kepujian Kelas 1	3	5.8	2	3.8	5	9.6
Kepujian Kelas 2	21	40.4	23	44.2	44	84.6
Kepujian Kelas 3	2	3.8	1	1.9	3	5.8
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>	<b>50.0</b>	<b>26</b>	<b>50.0</b>	<b>52</b>	<b>100.0</b>

Jadual 1 menunjukkan perbandingan tahap pencapaian akademik pelajar-pelajar yang aktif dan tidak aktif bersukan. Daripada 26 orang pelajar yang aktif bersukan, seramai 21 orang (40.4%) telah mendapat Kepujian Kelas Kedua di dalam peperiksaan, 3 orang (5.8%) mendapat Kepujian Kelas Pertama dan 2 orang sahaja (3.8%) yang mendapat Kepujian Kelas Ketiga. Manakala bagi pelajar yang bukan atlit, seramai 23 orang pelajar (44.2%) mendapat Kepujian Kelas Kedua, 2 orang (3.8%) mendapat Kepujian Kelas Pertama dan seorang pelajar (1.9%) memperolehi Kepujian Kelas Ketiga.

Jadual 2: Analisis Ujian-t Antara Atlit dan Bukan Atlit bagi Tahap Pencapaian Akademik

Pelajar (n=52)	Min	SL	Ujian-t	p
Atlit	2.0385	0.662	0.24	*0.8
Bukan Atlit	2.0000	0.490		

\* $p = 0.8$ , signifikan pada aras  $p < 0.05$

Jadual 2 menunjukkan keputusan kajian perbezaan tahap pencapaian akademik antara atlit dan bukan atlit di UTM Skudai. Daripada ujian-t yang dijalankan, didapati tiada perbezaan yang signifikan antara pelajar yang aktif bersukan dengan pelajar yang tidak aktif bersukan dari segi pencapaian akademik. Nilai p yang diperolehi ialah 0.8 manakala aras signifikan yang ditetapkan ialah  $p < 0.05$ . Nilai p yang agak tinggi menunjukkan sebarang kecenderungan ke arah yang signifikan. Oleh yang demikian, hipotesis 2 diterima pada aras kebarangkalian 0.05. Keputusan ini diperolehi melalui kaedah penganalisaan inferensi.

### **1.13 Perbincangan, Rumusan dan Cadangan**

Daripada penganalisan data, dapatlah dikatakan bahawa penglibatan pelajar secara aktif dalam bidang sukan tidak mendatangkan implikasi negatif terhadap pencapaian akademik mereka. Keputusan kajian ini bertepatan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Mohd Razali (1993) di mana beliau juga mendapati sebilangan besar daripada responden berpendapat bahawa penglibatan mereka dalam bidang sukan tidak menjejaskan pencapaian akademik. Kebanyakan mereka berpendapat pembahagian masa yang bijak antara akademik dan sukan banyak membantu mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Para atlet juga memberi tumpuan yang lebih semasa kuliah berjalan kerana tahu mereka banyak menghabiskan masa di gelanggang/padang. Para atlet juga berpendapat bersukan boleh membantu menyihatkan otak mereka. Oleh itu walaupun mereka aktif bersukan tetapi dapat belajar dengan baik dan senang mengingati pelajaran. Mereka juga berpendapat sukan boleh menjamin masa depan seperti untuk mendapatkan pekerjaan, biasiswa, kenaikan pangkat dan sebagainya.

Para atlet juga menyatakan bahawa mereka meluangkan masa antara 1 – 5 jzm untuk mengulangkaji pelajaran. Ini selaras dengan dapatan kajian Eleanor (1984) dan Lim (1991) di mana mereka mendapati atlet memperuntukan masa antara 2 – 5 jam sehari untuk mengulangkaji pelajaran. Sebagai kesimpulannya, banyak faktor yang mempengaruhi prestasi akademik seseorang pelajar. Sehubungan dengan itu, kita perlu rasional bila berhadapan dengan situasi seperti ini. Terdapat beberapa faktor lain yang terlalu personal seperti pengaruh keluarga, sikap, suasana pembelajaran di rumah, pengaruh rakan sebaya, pengaruh pensyarah atau guru, kaedah pengajaran dan pembelajaran, minat dan aspirasi pelajar itu sendiri.

Kesimpulan yang boleh dibuat hasil kajian ini ialah penglibatan secara aktif dalam bidang sukan tidak mempengaruhi pencapaian akademik bahkan dari segi kecemerlangan, mereka lebih baik berbanding dengan pelajar yang tidak aktif bersukan. Selain faktor bersukan, terdapat faktor-faktor lain yang membantu mereka berjaya dalam pelajaran seperti pengaruh keluarga, pengaruh persekitaran, galakan dan motivasi yang berterusan dari semua pihak. Ungkapan-ungkapan seperti badan sihat otak cergas, bersukan menyihatkan badan dan seumpamanya jelas boleh diterima dan mempunyai perkaitan yang langsung dari segi kecerdasan minda dan kesihatan badan.

## RUJUKAN

- Beau, F. A. (1982). The mental ability of athletes in comparison with non-athletes in high school. *American School Board Journal*, 73 (2), 45 – 155.
- Coleman, J. S. (1983). *The Adolescent Society*. New York: Free Press of Glencoe.
- Eleanor Ann Tan Lye Neo. (1984). Kajian pencapaian akademik di kalangan para atlit dan bukan atlit di peringkat Sijil Rendah Pelajaran. *Projek Khas Sarjana Muda yang Tidak Diterbitkan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Kantha Kumar Ramasamy. (1985). Kaedah permainan dalam proses pengajaran pembelajaran pendidikan jasmani. *Jurnal Institut Pendidikan Darul Aman*, 19, 8 – 13.
- Lim Chew Sin. (1991). Satu kajian pencapaian akademik di kalangan pelajar atlit dan bukan atlit. *Projek Khas Sarjana Muda yang Tidak Diterbitkan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Razali Abdullah. (1983). Perbandingan prestasi akademik atlit dan bukan atlit di Sekolah Menengah Sultan Mahmud, Kuala Terengganu. *Journal Akademik*. Maktab Perguruan Kuala Terengganu, Jilid IX, 39 – 47.
- Mohd Yusoff Man. (1983). Sejauhmana penglibatan murid-murid dalam gerakerja ko-kurikulum di sekolah mempengaruhi pencapaian akademik. *Projek Khas Sarjana Muda yang Tidak Diterbitkan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Webb, H. (1969). Professionalization of attitudes towards play among adoslecent. *Aspect of Contemporary Sport Sociology*. Chicago: The Athletic Institute.